

BERITA HARIAN

DATE: 19/9/2009

'Samy Vellu liabiliti kepada BN'

BH-19/9/2009

Presiden MIC perlu bertanggungjawab kekalahan parti dalam pilihan raya

PUTRAJAYA: Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu akan menjadi liabiliti kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang disebabkan kepemimpinannya yang gagal, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata beliau bimbang sokongan rakyat terhadap BN akan merosot dan BN akan menjadi mangsa kerana Samy Vellu masih lagi memimpin MIC.

Dalam satu temu bual dengan Bernama, Dr Mahathir berkata Samy Vellu perlu melepaskan jawatan Presiden MIC kerana beliau perlu bertanggungjawab terhadap kegagalan parti itu dalam pilihan raya umum lalu, malah beliau sendiri pun kalah.

"Kalau kita tengok di negara lain, apabila seseorang pemimpin gagal, dia dengan sendirinya letak jawatan. Kalau di Jepun, dia *commit* ha-

“Pemimpin Malaysia belum faham apabila dia gagal, dia patut dengan sendiri letak jawatan... tak payah orang suruh”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

rakiri (bunuh diri). Kita tak suruhlah dia (Samy) *commit* harakiri.

"You (Samy) gagal pimpin MIC sampai you (Samy) sendiri kalah.

"Sepatutnya sebelum sampai ke tahap itu, dia (Samy) patut letak jawatan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau berhak menegur sesiapa pun demi kebaikan BN, dan menambah: "Pak Lah (bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi) pun saya



tegur, apa Samy Vellu saya tidak boleh tegur?"

"Pemimpin Malaysia belum faham apabila dia gagal, dia patut dengan sendiri letak jawatan... tak payah orang suruh. Bila you gagal, you punya parti gagal. Dia bertanggungjawab," katanya.

Ditanya apakah yang BN boleh buat memandangkan BN mempunyai prinsip tidak campur tangan dalam urusan parti komponennya, Dr Mahathir berkata: "Apabila

ia menjadi masalah BN dan BN masih tak campur tangan, BN sendiri yang akan menjadi mangsa."

"Kalau tahu seseorang itu akan menyebabkan kekalahan BN, itu sudah menjadi masalah BN... bukan masalah MIC lagi. Kita tak boleh kata dok tak campur tangan. Ini urusan BN. Kerana dia, BN kalah.

Mengenai pemilihan pilihan Samy Vellu yang memenangi pemilihan MIC minggu lalu, beliau berkata, mereka boleh memenangi pemilihan parti tetapi akan kalah dalam pilihan raya kerana orang ramai tidak akan sokong.

Samy Vellu, kata Dr Mahathir, menjadi popular dulu kerana beliau (Dr Mahathir) menolongnya.

Sementara itu, Samy Vellu berkata beliau sudah membincangkan pelan persaraannya dengan Datuk Seri Najib Tun Razak, Jun lalu dan berpegang kepadanya.

"Saya berbincang secara terus terang dengan Perdana Menteri ketika saya menemuinya di Sarawak dan memberitahunya mengenai pelan (persaraan) saya," katanya.

Mengenai kenyataan Mahathir beliau adalah liabiliti kepada BN, Samy Vellu berkata Dr Mahathir bebas menyuarakan pendapatnya.

"Saya tidak terluca dengan komennya dan hormat saya terhadap beliau tidak akan berkurangan," katanya.

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata beliau sedih apabila baru sekarang Dr Mahathir melabelnya sebagai liabiliti "tetapi ketika BN menang (pilihan raya umum), saya dianggap satu aset".

"Saya tidak terkejut dengan komennya tetapi saya fikir beliau enggan faham bahawa kekalahan BN (banyak kerusi) pada pilihan raya umum lalu bukan kerana saya," katanya.